

NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi lantik 3 jurulatih muda untuk Sukan SEA

Berita Harian, 16 September 1996, Page 12

 Article also available on Microfilm Reel NL20779

[Printer-Friendly Page](#)

Persisi lantik 3 jurulatih muda untuk Sukan SEA

Bilangan emas yang ditambah jadi pendorong

SILAT

Oleh

YUSOFF A. RAHMAN

SOAL kewibawaan dan bertambahnya bilangan pingat emas yang akan dipertandingkan dalam Sukan SEA di Jakarta telah mendorong Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk melantik tiga orang jurulatih bagi membantu mempersiapkan pasukan negara.

Bagaimanapun, Mohamed Ramli Awi dan Jasni Salam dilantik sebagai dua jurulatih nasional sementara Mohamed Noor Hashim pula sebagai penolong jurulatih.

Ramli, 41 tahun, dari Perguruan Seligi Tunggal Perwanit, akan mengendalikan latihan fizikal dan Jasni, 37 tahun, dari Sendeng Pukulan, menumpukan perhatian kepada soal teknik.

Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil, mengumumkan demikian semalam, sambil memberitahu bahawa satu majlis taklimat akan diadakan di Persatuan Rakyat pada 21 September ini.

“Pada mulanya, kami bercadang mendapatkan dua daripada tiga jurulatih yang memohon untuk menjadi jurulatih nasional.

“Tetapi oleh kerana setiap jurulatih itu mempunyai kewibawaan dan kelebihan masing-masing yang tersendiri untuk memimpin skuad nega-

ra, maka Majlis Persisi memutuskan untuk mendapatkan khidmat ketiga-tiga jurulatih itu bagi membantu persiapan Singapura ke Sukan SEA Jakarta pada tahun depan," jelas Jamaludin.

Selain itu, Jamaludin memberitahu, sebanyak 22 pi-

ngat emas akan dipertandingkan dalam Sukan SEA Jakarta berbanding 15 saja di Sukan SEA Chiangmai.

"Dengan bertambahnya bilangan pingat emas yang dipertandingkan maka lebih ramai peserta yang akan mengambil bahagian.

"Ia sekaligus menambah tanggungjawab tugas jurulatih. Menyedari akan hal ini, maka Majlis Persisi memerlukan khidmat ketiga-tiga jurulatih itu agar persiapan kami dapat berjalan lebih kemas dan lancar," jelas Setiausaha Agung Persisi itu.

Beliau kemudian menarik perhatian bahawa ketiga-tiga jurulatih itu akan bertugas se-

cara sambilan.

Namun begitu, Persisi, ujar Jamaludin, akan mendapatkan subsidi daripada Majlis Sukan Singapura (SSC) bagi membayar elauan khidmat mereka.

Sebelum ini, Persisi telah menggunakan khidmat dua orang jurulatih veteran untuk menghadapi Sukan SEA Chiangmai. Mereka ialah Hosni Ahmad, 71 tahun, dan Hussein Kaslan, 73.

Bagaimanapun, Persisi yang menyedari perkembangan dalam sukan ini di peringkat antarabangsa, telah mengambil keputusan untuk mendapatkan tenaga jurulatih yang lebih muda.





BERGANDING TENAGA: Mohamed Ramli Awu (depan) dan Jasni Salam akan berganding tenaga sebagai dua jurulatih nasional silat untuk persiapan Sukan SEA Jakarta. — Gambar BH oleh ZAINAL YAHYA.

- Gambar BH oleh ZAINAL YAHYA.